

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]****TARIKH : 28.3.2018 (RABU)****SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini gangguan psikologi yang berlaku dalam kalangan guru dan murid serta langkah Kementerian untuk mengelakkan tragedi seperti kematian seorang pelajar tingkatan dua yang cuba membunuh diri selepas tertekan dituduh mencuri tidak lagi berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap kes gangguan psikologi dalam kalangan guru dan murid. Berdasarkan rekod, kes gangguan psikologi dalam kalangan murid adalah sangat kecil. Pada tahun 2015 dan 2016 jumlah kes yang dilaporkan masing-masing empat (4) kes, manakala pada tahun 2017 ialah sepuluh (10) kes. Kes-kes gangguan psikologi dalam kalangan murid yang direkodkan adalah melibatkan kes bunuh diri dan cubaan bunuh diri.

Kes gangguan psikologi yang melibatkan guru pada tahun 2016 ialah 214 kes dan bilangan kes menurun kepada 176 pada tahun 2017. Kes dalam kalangan guru yang dinyatakan tersebut adalah dalam kategori kes kemurungan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara tindakan berterusan yang dilaksanakan oleh KPM untuk menangani gangguan psikologi adalah seperti berikut:

- i. Menguatkuasakan Surat Siaran Pelaksanaan dan Pematuhan Dasar-Dasar Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Rendah dan Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2017 bertarikh 8 Mac 2017. Surat Siaran ini memberi penekanan kepada aspek psikososial dan kesejahteraan mental yang perlu diberi perhatian serta fokus utama oleh semua sekolah;
- ii. Melaksanakan sesi kaunseling menggunakan pendekatan Kaunseling Krisis sekiranya terdapat murid yang mengalami tanda-tanda kemurungan yang teruk atau mengalami tanda-tanda awal penyakit mental. Guru Bimbingan dan Kaunseling akan merujuk kepada pentadbir sekolah dan penjaga untuk merujuk murid berkenaan ke klinik kesihatan daerah atau pakar psikiatri hospital.